

HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH TAWAU



ROZANI BINTI AHMAD

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013

**HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN
DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH TAWAU**

**ROZANI BINTI AHMAD
(PT20117246C)
SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENYELIA:
DR. MOHD ZAKI ISHAK**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TAJUK : **HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH TAWAU.**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **ROZANI BINTI AHMAD SESI PENGAJIAN: 2012/2013**

Mengaku membenarkan tesis (~~LPSM/Sarjana/Doktor—Falsafah~~) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan).

☒

TIDAK TERHAD



Disahkan Oleh;

JULIZA RAMZI

PUSTAKAWAN KANAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



.....
(ROZANI BINTI AHMAD)

.....
(DR. MOHD. ZAKI ISHAK)


Tarikh: 15 JULAI 2013

Tarikh:

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

02 MEI 2013



Rozani Binti Ahmad
PT20117246C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : ROZANI BINTI AHMAD
MATRIC NO. : PT20117246C
TAJUK : HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH TAWAU
SARJANA : SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN
TARIKH BENTANG : 02 FEBRUARI 2013

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA DISERTASI

Dr. Mohd Zaki Ishak



Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohd Zaki Ishak', is written over a horizontal line.

DR. MOHD ZAKI ISHAK
Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menyiapkan disertasi ini. Terutama ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Mohd Zaki Ishak kerana sudi membimbing saya sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau tidak akan saya lupakan dan amat saya hargai.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr. Yusuf Abdullah, Dr. Shukri Zain, Dr. Said Ambotang dan Dr. Anuar Din yang sentiasa membantu dan memberikan respon yang baik terhadap apa juga perkara yang saya ajukan. Malah telah memberikan komen membina seterusnya menjadi pendorong kepada saya untuk meneruskan kajian ini.

Namun tidak lupa kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang telah secara tidak langsung ada memberi tunjuk ajar dan input-input berguna kepada saya sepanjang menyiapkan tugas ini. Akhir sekali jutaan terima kasih kepada rakan-rakan MEM PLUMS Tawau (2011/2013) atas bantuan dan sokongan anda.

Rozani Ahmad
02 MEI 2013

ABSTRAK

HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PERINGKAT MENENGAH RENDAH DALAM DAERAH TAWAU

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga ingin mengenal pasti gaya pembelajaran yang manakah menjadi amalan pelajar atau yang paling dominan dengan pelajar ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Seramai 547 orang pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah iaitu SMK Tawau, SMK Kuhara, SMK Umas-umas dan SMK Balung di daerah Tawau. Soal selidik adalah daripada Honey & Mumford, *Learning Style Questionnaire* (1992), yang mengandungi lapan puluh item telah digunakan untuk kajian ini. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 18 orang pelajar bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan yang telah diperolehi adalah 0.88. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistic Package For Social Science (SPSS) Version 16.0 for Windows*. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data dalam kajian hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian menunjukkan nilai p diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah $p=0.01$ hingga 0.05. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pembolehubah tersebut. Kajian ini juga telah mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar ialah gaya pembelajaran Reflektor diikuti dengan Teoris, Pragmatis dan akhir sekali ialah Aktivis. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar berdasarkan lokasi tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran pelajar berdasarkan lokasi. Implikasi kajian ini jelasnya mampu mengubah dan memberi input berguna kepada Kementerian Pelajaran, khasnya guru-guru dan pelajar umumnya. Satu perancangan idea untuk membantu guru dan murid mengenalpasti gaya pembelajaran untuk pencapaian akademik masing-masing

ABSTRACT

LEARNING STYLES RELATIONSHIP WITH SECONDARY LEVEL STUDENT ACADEMIC ACHIEVEMENT IN THE DISTRICT PRIMARY

This study aimed to find out whether there relate the learning style and its relationship to academic achievement. The study is to identify which learning style is the practice or the most dominant students with students when teaching and learning activities in the classroom. A total of 547 form four students in four schools, namely SMK Tawau, SMK Kuhara, SMK Umas-umas and SMK Balung of comb Tawau district. The questionnaire is from Honey & Mumford, Learning Style Questionnaire (1992), which contains eighty questions were used for this study. Researchers have conducted a pilot study with 18 students to determine is realibility questionnaire. The reliability obtained is 0.8807. Data were analyzed using the Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 16.0 for Windows. Pearson correlation test was used to analyze the data in the study of learning styles and academic achievement. The findings show the value of p between students learning style is $p = 0.01$ to 0.05 . This indicates a significant relationship between the two variables. The study also found that the practice of learning styles of students is learning style, first is Reflector, then Theorist, Pragmatist and lastly is Activist. The study also found that there were significant differences on student achievement based on the location but there is no significant difference on students' learning styles based on location. The implications of this study clearly able to change and provide useful input to the Ministry of Education, especially teachers and students generally. A planning ideas to help teachers and students identify learning styles for their academic achievement.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Soalan Kajian	8
1.7 Hipotesis Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Batasan Kajian	10
1.10 Definisi Operasional	11
1.10.1 Gaya Pembelajaran	11
1.10.2 Aktivis	12
1.10.3 Reflektor	12
1.10.4 Teoris	12
1.10.5 Pragmatis	13
1.10.6 Pencapaian Akademik	13
1.10.7 Pelajar	14

1.11	Kerangka Konsep Kajian	14
1.2	Kesimpulan	15

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Pembelajaran	17
2.3	Gaya Pembelajaran	18
2.4	Teori Pembelajaran	20
2.4.1	Teori Behaviorisme	20
2.4.1.1	Teori Pelaziman Operan Thorndike	20
2.4.1.2	Teori Pelaziman Operan Skinner	22
2.4.2	Teori Kognitif	23
2.4.2.1	Teori Kognitif Jerome Bruner	23
2.4.2.2	Teori Robert M. Gagne	25
2.4.3	Teori Sosial	28
2.4.3.1	Teori Pembelajaran Sosial Bandura	29
2.4.4	Teori Humanis	30
2.4.4.1	Teori Keperluan Maslow	30
2.5	Model-model Gaya Pembelajaran	32
2.5.1	Model Gaya Pembelajaran Honey & Mumford	32
2.5.2	Model Gaya Pembelajaran Kolb	35
2.5.3	Model Gaya Pembelajaran Felder & Silverman	37
2.5.4	Model Gaya Pembelajaran Slavin	39
2.5.5	Model Gaya Pembelajaran Entwistle	40
2.5.6	Model Gaya Pembelajaran Grasha-Riechman	41
2.6	Kajian-kajian Lepas	45
2.6.1	Kajian-kajian Gaya Pembelajaran	45
2.6.2	Kajian-kajian Tahap Pencapaian Akademik Pelajar	47
2.6.3	Kajian-kajian Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar	47
2.7	Kesimpulan	49

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Populasi Kajian	52

3.4	Instrumen Kajian	54
3.4.1	Pembinaan Soal Selidik	54
3.4.2	Soal Selidik Latar Belakang Responden	55
3.4.3	Soal Selidik Keputusan PMR 2012	55
3.4.4	Soal Selidik Inventori Gaya Pembelajaran Responden	57
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	58
3.6	Kajian Rintis	59
3.7	Pengumpulan Data	60
3.8	Penganalisan Data	61
3.9	Kesimpulan	63

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2	Analisis Statistik Deskriptif	65
4.2.1	Analisis Statistik Demografi	65
4.2.2	Persoalan 1: Gaya Pembelajaran Paling Dominan	66
4.2.2.1	Gaya Pembelajaran Aktivis Pelajar Bandar dan Luar Bandar	66
4.2.2.2	Gaya Pembelajaran Reflektor Pelajar Bandar dan Luar Bandar	68
4.2.2.3	Gaya Pembelajaran Teoris Pelajar Bandar dan Luar Bandar	70
4.2.2.4	Gaya Pembelajaran Pragmatis Pelajar Bandar dan Luar Bandar	72
4.2.3	Persoalan 2: Tahap Pencapaian Akademik Pelajar	75
4.3	Analisis Statistik Inferensi	77
4.3.1	Hipotesis 1 : Perbezaan Gaya Pembelajaran berdasarkan Lokasi	77
4.3.2	Hipotesis 2 : Perbezaan Pencapaian Akademik berdasarkan Lokasi	79
4.3.3	Hipotesis 3 : Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar	83
4.3.4	Hipotesis 4 : Hubungan Gaya Pembelajaran Aktivis dengan Pencapaian Akademik Pelajar	84

4.3.5	Hipotesis 5 : Hubungan Gaya Pembelajaran Reflektor dengan Pencapaian Akademik Pelajar	85
4.3.6	Hipotesis 6 : Hubungan Gaya Pembelajaran Teoris dengan Pencapaian Akademik Pelajar	86
4.3.7	Hipotesis 7 : Hubungan Gaya Pembelajaran Aktivis dengan Pencapaian Akademik Pelajar	87
4.4	Kesimpulan	88
BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan	90
5.2.1	Gaya Pembelajaran Yang Lebih Dominan	90
5.2.2	Pencapaian Akademik Pelajar	95
5.2.3	Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar	97
5.3	Rumusan	100
5.4	Cadangan	102
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	103
5.6	Kesimpulan	103
RUJUKAN		104
LAMPIRAN A		108
LAMPIRAN B		109
LAMPIRAN C		110

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	13
Jadual 2.1	36
Jadual 2.2	37
Jadual 2.3	40
Jadual 2.4	42
Jadual 3.1	52
Jadual 3.2	54
Jadual 3.3	56
Jadual 3.4	56
Jadual 3.5	57
Jadual 3.6	62
Jadual 3.7	63
Jadual 4.1	65
Jadual 4.2	66
Jadual 4.3	68
Jadual 4.4	70
Jadual 4.5	72
Jadual 4.6	74
Jadual 4.7	75
Jadual 4.8	78
Jadual 4.9	79
Jadual 4.10	80
Jadual 4.11	82
Jadual 4.12	83
Jadual 4.13	84
Jadual 4.14	85
Jadual 4.15	86
Jadual 4.16	87

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	15
Rajah 2.1	Rajah Peneguhan oleh Skinner	22
Rajah 2.2	Hierarki Keperluan Maslow	31
Rajah 2.3	Tahap-tahap Proses Pembelajaran	33
Rajah 3.1	Jadual Penentuan Sampel Kreijcie & Morgan (1970)	53
Rajah 4.1	Histogram Taburan Sampel Mengikut Lokasi	65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

Singkatan

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
LPQ	<i>Learning Process Questionnaire</i>
EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
SPSS	<i>Statistic Package For Social Science</i>
r	<i>Related Correlation</i> atau Nilai Korelasi
%	Peratus
Sd	<i>Standard Deviations</i> atau Sisihan Piawai
<	lebih kecil daripada
>	lebih besar daripada
t	Nilai Perbezaan
sig	Signifikan
H ₀	Hipotesis Nol
N	Jumlah Sampel



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran A	Borang Soal Selidik Inventori Gaya Pembelajaran Honey & Mumford	108
Lampiran B	a. Hasil Ujian-t b. Hasil Ujian Korelasi	109
Lampiran C	a. Surat Pengesahan Pelajar b. Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah	110



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dalam kehidupan sehari-hari, kita seringkali dapat melihat perbezaan yang besar semasa seseorang individu menghadapi dan menyelesaikan masalah. Oleh yang demikian, institusi pendidikan di Malaysia telah memberi tanggungjawab yang besar kepada sekolah dalam melahirkan pelajar yang berkebolehan dan berketrampilan untuk menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar kelak. Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur.

Ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui proses pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam pekerjaan. Kebanyakan proses pembelajaran adalah daripada apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian. Menurut Honey dan Mumford (1992) pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran atau kemahiran. Dalam proses pembelajaran ini, terdapat beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu. Kecenderungan ini termasuklah kecenderungan untuk memiliki pengalaman semasa mempelajari sesuatu, kecenderungan untuk mengimbas kembali, kecenderungan untuk membuat kesimpulan dan kecenderungan memastikan implementasi.

Justeru, gaya pembelajaran telah dikenal pasti sebagai faktor yang memberi sumbangan besar dalam pencapaian akademik seseorang individu. Gaya pembelajaran juga merupakan komposisi daripada faktor-faktor seperti sifat

psikologikal, dan kognitif berkesan yang berperanan sebagai suatu petunjuk mengenai bagaimana seseorang individu bertindak balas atau berinteraksi terhadap sesuatu suasana persekitaran pembelajaran (Ann Briggs, 2000). Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain.

Gaya pembelajaran yang sesuai penting untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Chamber, 1991). Chambers juga berpendapat bahawa pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Hal ini kerana cara yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran akan menyebabkan pelajar disemua peringkat lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik. Tambahan pula, Dunn & Dunn (1979) menyatakan bahawa apabila kaedah, sumber dan program dipadankan dengan sifat-sifat gaya pembelajaran pelajar, maka pencapaian akademik dan sikap pelajar akan meningkat. Sebaliknya, jika padanan di antara pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai, maka pencapaian akademik dan sikap juga turut merosot.

Prestasi akademik yang cemerlang merupakan penentuan pemahaman seseorang terhadap proses pembelajaran. Secara tidak langsung, pencapaian ini akan menentukan masa depan yang lebih gemilang. Oleh itu, untuk merealisasikan hasrat tersebut, suasana pembelajaran yang kondusif adalah amat penting. Masyarakat sekarang begitu menitikberatkan pencapaian akademik kerana keputusan akademik yang cemerlang menjadi kayu pengukur kepada kerjaya masa depan seseorang pelajar (Amina Noor, 1999). Menurut Griggs (1991) penggunaan gaya pembelajaran yang betul adalah amat penting untuk meningkatkan keputusan akademik. Pencapaian inilah yang akan membuktikan sejauh mana gaya pembelajaran seseorang pelajar berkesan atau tidak.

Oleh hal yang demikian, banyak kajian telah dijalankan dalam bidang gaya pembelajaran bagi memahami tentang perbezaan individu serta sumbangannya terhadap pencapaian pelajar.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Umumnya, pembelajaran adalah suatu proses yang kompleks yang melibatkan dua pihak iaitu pelajar dan juga persekitaran pelajar. Pada pihak pelajar perlu ada kesanggupan sikap dan keupayaan untuk belajar dalam kalangan persekitaran sosial dan akademik yang sesuai serta instruksi yang berkesan kepada pelajar. Sebagai pendidik, persoalan yang sering timbul dalam menjalankan tugas adalah tentang wujudnya perbezaan dalam pencapaian pelajar. Sekumpulan pelajar yang didedahkan dengan strategi serta persekitaran pembelajaran yang sama tidak semestinya menghasilkan output yang sama dalam pembelajaran. Hal ini adalah kerana faktor yang pelbagai, dan kepelbagaian ini berupaya mempengaruhi pencapaian.

Dapatan kajian lepas tentang gaya pembelajaran ada yang menunjukkan terdapat hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tetapi ada juga yang menunjukkan tidak terdapat hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Contohnya, kajian oleh Usang Anak Ngrambang (2007) hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara gaya belajar dengan pencapaian akademik. Justeru, pengkaji cuba meneliti sama ada gaya pembelajaran ini memang benar-benar memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar atau pun hanya sebagai faktor sampingan yang kecil. Pelajar yang mengamalkan cara belajar yang sesuai dan efektif akan dapat meningkatkan pencapaian akademiknya.

Hal ini seperti dinyatakan oleh Gaihen dan Locatelli (1995), bahawa pencapaian seseorang pelajar dipengaruhi oleh interaksi antara tiga faktor iaitu ciri pelajar, hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan persekitaran pembelajaran. Kenyataan ini selari dengan pendapat Jonassen dan Grabowski (1993) apabila mereka menyatakan bahawa ciri pelajar memang mempengaruhi cara pemikiran serta proses pembelajaran pelajar. Malah cara pemikiran ini boleh berubah mengikut jenis tugas yang dijalankan. Proses pembelajaran yang dimaksudkan oleh mereka adalah berkait rapat dengan kecenderungan pelajar dalam cara menerima dan memproses maklumat iaitu gaya pembelajaran.

Justeru, persoalan disini ialah bagaimanakah kita dapat mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai untuk seseorang individu dan seterusnya membolehkan seseorang itu mengeksploitasi gaya pembelajaran tersebut ke arah kaedah pembelajaran yang lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran? Alam persekolahan pada fasa tingkatan empat merupakan fasa peralihan yang memerlukan lebih kesungguhan, kerajinan serta gaya pembelajaran yang lebih bersistematik bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini penting untuk menentukan hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian di peringkat sekolah, sama ada melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau mula bersaing dalam alam pekerjaan.

Berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), didapati bilangan pelajar yang lulus telah bertambah dari tahun ke setahun. Walau bagaimanapun, sejumlah besar daripada pelajar yang lulus berada diperingkat yang sederhana sahaja. Dengan erti kata lain, keputusan peperiksaan mereka tidak begitu baik. Pelbagai usaha telah dan terus dijalankan serta dipertingkatkan oleh pihak pentadbir sekolah bagi memenuhi kehendak pendidikan dan meningkatkan prestasi akademik pelajar. Antara usahanya ialah mengadakan kursus-kursus motivasi seperti Penerapan Budaya Belajar Berkesan, bengkel-bengkel kecemerlangan, memberi khidmat kaunseling, ceramah-ceramah dan sebagainya. Sekolah juga ada mengadakan kelas-kelas terancang untuk pelajar-pelajar baik dan kelas pemulihan untuk pelajar yang lemah. Namun masih ramai antara pelajar yang mencapai tahap kelulusan yang mendatar dan rendah. Dimanakah silapnya sehingga mengakibatkan keadaan dan dilema ini membelenggu masyarakat semenjak dari dulu lagi. Apakah permasalahan-permasalahan tersebut dipengaruhi oleh perbezaan gaya pembelajaran para pelajar?

Pada hakikatnya, tidak ada perbezaan antara orang yang berjaya dengan orang yang gagal. Apa yang membezakan antara kedua-dua golongan ini ialah tahap kenalan diri. Menurut Honey dan Mumford (1992), proses pembelajaran

berdasarkan kepada menimba ilmu pengetahuan dan ia merupakan sepanjang hayat dan dalam proses pembelajaran tersebut pula beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh seseorang pelajar. Kecenderungan yang dimaksudkan itu ialah mengimbas kembali, membuat kesimpulan, mempelajari sesuatu berdasarkan pengalaman dan membuat implementasi. Orang yang berjaya lebih mengenali dirinya berbanding dengan orang yang gagal dan akan memilih gaya pembelajaran yang sesuai bagi diri mereka sendiri. Oleh itu, seseorang pelajar haruslah mengenali dirinya sebelum memilih gaya pembelajaran yang sesuai dengannya.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini berfokus kepada menyelidik gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh Honey dan Mumford. Setiap pelajar ada pelbagai amalan gaya pembelajaran mereka yang tersendiri untuk memperolehi maklumat yang mereka pelajari. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Pelajar yang mengamalkan cara belajar yang sesuai dan efektif akan dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Namun, masalah yang timbul ialah, setiap pelajar menunjukkan perbezaan individu dalam pencapaian akademik mereka. Ketidakmampuan pelajar memperlihatkan prestasi yang cemerlang dalam tugas kerja kursus secara proses, keputusan peperiksaan dan interaksi semasa di dalam kelas menggambarkan terdapatnya kelemahan dalam proses pemindahan pembelajaran kepada pelajar. Kelemahan ini dilihat mempunyai kaitan dengan kegagalan pelajar mengambil kira perbezaan-perbezaan dalam gaya pembelajaran mereka. Malah kerana kurangnya kesedaran pelajar, serta kesungguhan ibubapa menyedarkan pelajar tentang amalan gaya pembelajaran yang sesuai menyebabkan mereka tidak dapat merancang pembelajaran secara sistematik. Selain itu, terdapat juga guru-guru yang kurang memberi penekanan kepada pelajar tentang gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan (Azizi *et al.*, 2004). Justeru, adalah penting bagi guru mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar serta membantu mereka supaya

mengamalkan gaya pembelajaran yang dapat meningkatkan pencapaian hingga ke tahap cemerlang. Hal ini kerana gaya pengajaran yang tidak selaras dengan gaya pembelajaran pelajar boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat berlaku dengan berkesan.

Selain itu, ramai pelajar yang kurang berjaya atau gagal mencapai keputusan cemerlang mengakui diri mereka kekurangan pengetahuan dalam kemahiran belajar. Mereka tidak dapat mencari kemahiran belajar yang paling sesuai dengan sikap sendiri selain tidak memahami proses dan gaya pembelajaran (Kolb, 1971). Hal ini jelas menunjukkan betapa perlunya seseorang mengetahui gaya pembelajaran dan menguasai kemahiran belajar yang paling sesuai dengan diri sendiri terutamanya ketika menghadapi peperiksaan. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain.

Dunn & Dunn (1980) menyatakan bahawa kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum, sebaliknya mereka boleh belajar sebarang mata pelajaran sekiranya pembelajaran itu menekankan kepada gaya yang mereka gemari. Felder dan Silverman (1998) pula mengatakan bahawa gaya pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza. Begitu juga dengan pengajaran guru yang berbeza. Apabila perbezaan di antara gaya pembelajaran dan gaya pengajaran berlaku, hal ini akan menyebabkan pelajar cepat berasa bosan dan tidak memberi perhatian di dalam kelas, tidak menjawab soalan peperiksaan dengan baik dan kadang kala ada pelajar yang tertinggal dalam pelajaran. Justeru, para guru tidak harus berpendapat bahawa semua pelajar boleh melalui proses pembelajaran dengan gaya pembelajaran yang sama (Davidson, 1985).

Berdasarkan hal ini, maka satu kajian tentang gaya pembelajaran terhadap pelajar sekolah menengah perlu dijalankan. Kajian ini dijalankan kerana kefahaman tentang gaya pembelajaran pelajar adalah penting untuk membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Menurut Ng Sook Chin (2005), kajian tentang gaya pembelajaran pelajar adalah perlu dan kajian seumpama ini akan mencelikkan para

guru dalam mengetahui gaya pembelajaran yang paling banyak diamalkan oleh pelajar dan seterusnya meningkatkan minat pelajar dalam sesuatu subjek atau mata pelajaran dan membantu mereka dalam pembelajaran. Hal ini kerana gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar mempunyai kesan terhadap hasil pembelajarannya yang seterusnya memberi impak ke atas pencapaian akademik pelajar.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar peringkat PMR dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Fokusnya adalah untuk mengkaji Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford dimana memperlihatkan empat gaya pembelajaran iaitu Aktivis, Reflektor, Teoris dan Pragmatis (Ee Ah Meng, 1995).

Kajian ini jelasnya bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran mengikut lokasi di empat buah sekolah menengah di daerah yang terpilih yang mewakili kategori sekolah bandar dan luar bandar. Seterusnya, kajian akan berfokus kepada mencari sama ada wujud atau tidak hubungan antara gaya pembelajaran (Aktivis, Reflektor, Teoris dan Pragmatis) dengan pencapaian akademik pelajar.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar menengah rendah dalam kalangan pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah menengah sekitar daerah Tawau dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar iaitu:

- i. Mengetahui gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar di sekolah menengah rendah.
- ii. Mengetahui tahap pencapaian akademik pelajar menengah rendah.

- iii. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan lokasi.
- iv. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan pencapaian akademik pelajar berdasarkan lokasi.
- v. Menentukan sama ada wujud hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik.
- vi. Menentukan sama ada wujud hubungan antara gaya pembelajaran Aktivistik dengan pencapaian akademik.
- vii. Menentukan sama ada wujud hubungan antara gaya pembelajaran Reflektif dengan pencapaian akademik.
- viii. Menentukan sama ada wujud hubungan antara gaya pembelajaran Teoritis dengan pencapaian akademik.
- ix. Menentukan sama ada wujud hubungan antara gaya pembelajaran Pragmatis dengan pencapaian akademik.

1.6 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian di atas, maka soalan kajian ini ialah:

- i. Apakah gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar menengah rendah?
- ii. Apakah tahap pencapaian akademik pelajar menengah rendah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan lokasi?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar berdasarkan lokasi?
- v. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran Aktivistik dengan pencapaian akademik pelajar?
- vii. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran Reflektif dengan pencapaian akademik pelajar?
- viii. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran Teoritis dengan pencapaian akademik pelajar?
- ix. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran Pragmatis dengan pencapaian akademik pelajar?